

KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN	
TARIKH	:	11/5/2021	MUKA SURAT : 29
JABATAN	:	JPSM	
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	

Isu balak perlu siasatan menyeluruh

Dakwaan wujud salah guna kuasa serta penyelewengan konsesi balak melibatkan YNS dan individu penting dalam SPRM

Oleh SYAMIAH ZULKIFLI

SEREMBAN

Exco Pelaburan Negeri Sembilan, Datuk Dr Mohamad Rafie Ab Malek mahu siasatan secara menyeluruh dilakukan berkenaan dakwaan wujud salah guna kuasa serta penyelewengan konsesi balak melibatkan Yayasan Negeri Sembilan (YNS) dan individu penting dalam Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Beliau yang merupakan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah YNS turut bersedia memberi kerjasama sepenuhnya bagi memastikan kerajaan negeri serta SPRM bersih.

"Hari ini (Isnin) SPRM telah ambil keterangan saya selama dua jam berkaitan isu balak di Negeri Sembilan.

"Ya susulan laporan kepada SPRM pada 18 September 2020 dan pada 15 April lalu yang mana turut mendakwa individu penting dalam SPRM telah menyekjut beku siasatan balak di Negeri Sembilan kerana hujungannya dengan Pengarah YNS," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar di Pejabat Perbadanan Negeri Sembilan selepas memberi keterangan selama dua jam kepada SPRM pada Isnin.

Menurutnya, dakwaan itu amat serius kerana ia bukan sahaja boleh mengakibatkan in-



Mohamad Rafie (kanan) keluar dari Pejabat Perbadanan Negeri Sembilan selepas memberi keterangan kepada SPRM.

sitiusi SPRM tercalar, tetapi turut memberi kesan negatif kepada kerajaan negeri.

Selain itu katanya, beliau difahamkan lapan Ahli Lembaga Pengarah telahpun diambil keterangan melainkan Menteri

Besar Negeri Sembilan.

"Isunya berkaitan pemberian konsesi balak sebanyak 2,000 hektar kepada YNS.

"Kalau ikutan ia diberi kelulusan oleh kerajaan sebelum ini lagi sekitar tahun 2017 se-

lum diteruskan kerajaan sekarang," katanya.

Ditanya sama ada memang wujud perkara tidak betul dalam isu balak terbabit, beliau berkata, tidak wajar untuknya memberi sebarang komen kerana ia masih dalam siasatan.

Namun beliau sekali lagi menegaskan, siasatan menyeluruh perlu bagi memastikan kerajaan negeri bersih kerana jika tidak sudah pastinya ia akan kekal tercalar pada pandangan rakyat.

Sebelum ini SPRM menafikan dakwaan pihaknya tidak meneruskan siasatan atau 'menyekjut beku' isu salah guna kuasa dan penyelewengan konsesi balak melibatkan YNS.

Pengarah SPRM Negeri Sembilan, Mohamad Zakkuan Taib berkata, pihaknya sudah membuka kertas siasatan dakwaan salah guna kuasa dan penyelewengan konsesi balak melibatkan YNS.